

## TUGASAN SPESIFIK

Gerakan nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua berfokus kepada matlamat orang Melayu untuk membebaskan masyarakat daripada tekanan penjajahan. Semangat patriotik sedemikian sewajarnya dipunyai oleh generasi hari ini demi masa depan negara yang lebih gemilang.

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan berikut:

Aspek	Soalan	Markah
Pengenalan	1. Jelaskan latar belakang nasionalisme di Malaysia sehingga Perang Dunia Kedua.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Huraikan faktor-faktor pemangkin nasionalisme seperti berikut: (i) Pengenalan sistem politik barat (ii) Dasar British (iii) Kesedaran politik serantau (iv) Gerakan Pan-Islamisme sedunia	5 markah 5 markah 5 markah 5 markah
	3. Apakah isu-isu yang dibangkitkan oleh para nasionalis melalui media cetak seperti: (i) Akhbar (ii) Majalah	20 markah 10 markah
	4. Buktikan perjuangan persatuan-persatuan Melayu pada akhir abad ke-19 telah berjaya mencapai matlamat mereka.	10 markah
	5. Huraikan kepentingan nasionalisme dalam melahirkan rakyat yang bersemangat patriotik.	10 markah
	6. Bincangkan cabaran untuk memperkasakan semangat patriotik dan langkah mengatasi cabaran tersebut.	10 markah
	7. Huraikan iktibar yang anda peroleh daripada perjuangan gerakan nasionalisme sehingga Perang Dunia Kedua untuk mengukuhkan kedaulatan bangsa.	10 markah
Rumusan	8. Buat rumusan tentang gerakan nasionalisme di Malaysia dalam usaha membebaskan negara daripada tekanan penjajah.	5 markah

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**

NO. KAD PENGENALAN 

							-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	--	--

ANGKA GILIRAN 

--	--	--	--	--	--	--

Nama ..... Tingkatan .....

Sekolah .....

## MODUL PINTAS 2019

### TINGKATAN 5

1249/2

#### SEJARAH

Kertas 2

Ogos/September

2  $\frac{1}{2}$  jam

Dua jam tiga puluh minit

#### JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis nombor kad pengenalan, angka giliran, nama, tingkatan dan sekolah anda pada petak yang disediakan.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan tiga soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas peperiksaan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas peperiksaan ini. Calon ada pilihan sama ada mencantumkan buku jawapan bersama-sama kertas peperiksaan ini dengan menggunakan stapler atau menebuk lubang kemudian ikat dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Kod Pemeriksa :			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	


Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

**Bahagian A**

[40 markah]

*Jawab semua soalan.*

- 1 Tokoh di bawah memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan sistem perundangan yang terdapat dalam tamadun Rom dan China.



Maharaja Justinian



Han Fei Tzu

- (a) Jelaskan ciri undang-undang yang diinspirasikan oleh tokoh tersebut.

- (i) Maharaja Justinian

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

- (ii) Han Fei Tzu

.....  
.....  
.....  
.....

[3 markah]

(b) Bagaimanakah sistem perundangan mampu membawa kesejahteraan kepada rakyat?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- 2 Pada tahun 628 Masihi bersamaan 6 Hijrah, Perjanjian Hudaibiyah telah dimeterai antara pihak Islam dengan orang Arab Quraisy Makkah.

(a) Apakah peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Hudaibiyah?

.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

(b) Terangkan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

(c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah Perjanjian Hudaibiyah ini menggambarkan kebijaksanaan Nabi Muhammad SAW?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

3 Pernyataan di bawah berkaitan gerakan nasionalisme di Thailand.

- Gerakan nasionalisme Thailand tidak bersikap antipenjajah
- Merupakan satu-satunya negara di Asia Tenggara yang tidak pernah dijajah oleh kuasa barat.

(a) Berikan sebab-sebab berlakunya gerakan nasionalisme di Thailand pada tahap pertama.

(i) .....

(ii) ..... [2 markah]

(b) Apakah kesan perkembangan sistem pendidikan Barat kepada gerakan nasionalisme tahap pertama di Thailand?

.....  
.....  
.....  
..... [2 markah]

(c) Senaraikan pembaharuan yang dilakukan oleh Phibul Songram.

.....  
.....  
.....  
..... [2 markah]


- (d) Setiap idea positif membawa kepada perubahan yang membina kecemerlangan sama ada kepada diri, bangsa dan negara.

Ulaskan.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[4 markah]

- 4 Rajah di bawah menunjukkan hierarki sistem pemerintahan mengikut Adat Perpatih yang diamalkan di Negeri Sembilan.



(a) Apakah tanggungjawab yang digalas oleh jawatan berikut?

(i) Buapak

[1 markah]

(ii) Lembaga

[1 markah]

(b) Adat Perpatih mempunyai unsur demokrasi.  
Buktikan.

[2 markah]

[ Lihat halaman sebelah

- (c) Pada pendapat anda, adakah Adat Perpatih sesuai diamalkan pada masa kini?

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

[2 markah]

- (d) Rakyat Malaysia mesti menghormati pemimpin negara.  
Berikan pendapat anda.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....



[4 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

*Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.*

- 5** Gambar di bawah menunjukkan antara hasil ciptaan tamadun Mesopotamia.



- (a) Nyatakan kepentingan ciptaan-ciptaan di atas dalam tamadun Mesopotamia. [4 markah]
- (b) Berdasarkan kajian anda, mengapakah masyarakat Mesopotamia berjaya menghasilkan ciptaan di atas? [8 markah]
- (c) Cadangkan cara meningkatkan kualiti sistem pengangkutan awam di negara kita. [8 markah]

- 6** Kedatangan Islam telah mempengaruhi sistem pendidikan di Tanah Melayu.

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan pendidikan tidak formal? [4 markah]
- (b) Bagaimakah nilai-nilai murni disampaikan dan diterapkan dalam pendidikan tidak formal di Tanah Melayu? [8 markah]
- (c) Pendidikan tidak formal sama penting dengan pendidikan formal dalam melahirkan insan yang dapat memajukan bangsa dan negara pada masa kini.  
Setujukah anda dengan pernyataan ini? [8 markah]

7 Pernyataan di bawah merujuk kepada maksud *Reformation*.

*Reformation* berasal daripada perkataan *reform* yang bermaksud "melaksanakan perubahan atau pembaharuan terhadap sesuatu untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik atau untuk membentuk sesuatu yang baharu." Gerakan *Reformation* ini mempunyai kaitan dengan agama Kristian.

Sumber: *Sejarah Tingkatan 5*, hal. 220

- (a) Apakah yang anda faham tentang konsep *Reformation*? [4 markah]
- (b) Jelaskan rasional gerakan *Reformation* itu berlaku. [8 markah]
- (c) Perbezaan dan perselisihan dalam bidang agama boleh diselesaikan melalui toleransi. Beri ulasan anda. [8 markah]

8 Akhbar berikut berperanan penting dalam melahirkan semangat kebangsaan di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

- Warta Malaya
- Lembaga Malaya
- Utusan Melayu
- Warta Negara

- (a) Jelaskan isu sosial dan pendidikan yang dibangkitkan oleh akhbar tersebut. [4 markah]
- (b) Pada pendapat anda, bagaimakah akhbar dapat memainkan peranan untuk membangkitkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat? [8 markah]
- (c) Pengaruh akhbar tergugat dalam era digital hari ini. Berikan pendapat anda agar akhbar kekal sebagai bahan bacaan pilihan generasi muda hari ini. [8 markah]

- 9 Sistem Ahli merupakan sistem yang melatih penduduk tempatan dan kaum lain menerajui pentadbiran Tanah Melayu bagi persediaan ke arah berkerajaan sendiri.
- Huraikan ciri-ciri Sistem Ahli. [6 markah]
  - Terangkan tugas Ahli dalam sistem tersebut. [6 markah]
  - Bagaimakah perlaksanaan Sistem Ahli memberi kebaikan kepada masyarakat tempatan? [8 markah]

- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan Dasar Pertanian Negara.

Dasar Agro Makanan Negara (DAN) 2011 – 2020 merupakan kesinambungan Dasar Pertanian Negara.

Sumber: <http://www.moa.gov.my>

- Mengapakah sektor pertanian tetap menjadi agenda penting walaupun negara kita ke arah mencapai status negara maju?  
Beri penjelasan anda. [4 markah]
- Jadual berikut berkaitan dengan dasar pembangunan ekonomi Malaysia.

Tarikh	Dasar
Januari 1984	Dasar Pertanian Negara
Mac 1984	Dasar Kependudukan

Jelaskan matlamat dasar pembangunan ekonomi di atas dalam meningkatkan kemajuan Malaysia. [8 markah]

- Dalam mencapai matlamat Dasar Kependudukan, Malaysia terpaksa menghadapi cabaran dari aspek sosio ekonomi.  
Apakah cabaran tersebut? [8 markah]

11 Carta di bawah berkaitan dengan perkembangan dasar luar Malaysia.



- (a) Jelaskan dasar luar Malaysia pada tahap ketiga. [4 markah]
- (b) Rasionalkan tujuan Dasar Pandang ke Timur diperkenalkan oleh pemimpin Malaysia. [8 markah]
- (c) Jelaskan kepentingan Dasar Pandang ke Timur kepada kecemerlangan Malaysia pada hari ini. [8 markah]

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**